

# Dr M syor Kedah minta kaji pajakan Pulau Pinang

Oleh Johari Ibrahim

ALOR STAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencadangkan Kerajaan Kedah supaya mengenakan bayaran terhadap pembekalan air mentah ke Pulau Pinang yang selama ini percuma.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga perlu mengkaji semula perjanjian pajakan Pulau Pinang untuk mendapatkan kadar bayaran lebih baik.

"Semua usaha ini perlu dilakukan bagi menambah pendapatan Kedah yang dikenali sebagai negeri 'miskin,' katanya.

Sambil mengambil contoh Johor yang menjual air kepada Melaka pada harga 30 sen bagi setiap 1,000 gelen, beliau berkata, Kedah juga wajar berbuat demikian.

"Orang Kedah amat murah hati, Johor pun menjual air kepada Singapura

tiga sen setiap 1,000 gelen dan (kepada)

Melaka 30 sen setiap 1,000 gelen.

"Tetapi Kedah tidak minta sedikit pun daripada Pulau Pinang... patutlah kita mula minta balik," katanya

berucap pada majlis Jamuan Terima Kasih anjuran kerajaan negeri di Wisma Darulaman, malam kelmarin.

Hadir sama Sultan serta Sultanah Kedah; Raja Muda dan Raja Puan Muda;

## Rujuk kerajaan negeri: PM

**PUTRAJAYA:** Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata soal mengkaji semula kadar pajakan RM10,000 setahun yang dibayar Pulau Pinang kepada Kedah perlu dirujuk kepada kerajaan negeri itu.

"Saya tak tahu. Kena tanya kerajaan Pulau Pinanglah. Itu pandangan Tun Dr Mahathir (Mohamad)," katanya semalam ketika ditanya mengenai cadangan bekas Perdana Menteri itu "supaya Kedah meminta Pulau Pinang mengkaji semula bayaran pajakan RM10,000 setahun kepada kerajaan Kedah.



**SULTAN ABDUL HALIM MUADZAM SHAH menyerahkan cenderahati kepada Dr Mahathir sambil diperhati Syed Razak pada majlis Jamuan Terima Kasih di Wisma Darulaman, Alor Star semalam. - Gambar oleh Rahmat عثمان**

Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain; beberapa menteri dan timbalan menteri dari Kedah, wakil rakyat serta kira-kira 800 pegawai kerajaan serta ahli Barisan Nasional (BN).

Jamuan makan malam itu dianjurkan untuk mengenang jasa Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

Dr Mahathir berkata, Kedah akan memperoleh pendapatan tambahan jika berbuat demikian terutama jika cadangan penswastaaan bekalan air dilaksanakan,

"Saya bukan nak cucuk... tetapi Kedah ini miskin (dan pada masa sama) dok beri air percuma kepada Pulau Pinang yang kaya.

"Saya dengar bekalan' air akan di-

swastakan, saya fikir tidak, adil orang mendapat air percuma kemudian dijual dengan harga mahal," katanya sambil mendapat tepukan daripada hadirin.

Beliau juga berkata, pertambahan pendapatan kerajaan negeri hasil daripada dua usaha itu akan turut membantu mencapai wawasan Kedah Maju 2010.

Mengenai bayaran pajakan itu, Dr Mahathir berkata, Kedah wajar meminta Kerajaan Pusat mengkaji semula kadarnya untuk mendapat bayaran tahunan yang lebih tinggi.

Katanya, ketika penjajahan British, Pulau Pinang dan Seberang Perai yang dikenali sebagai Province Wellesley masing-masing dipajak pada kadar

sewa 6,000 dan 4,000 Dollar Spanish setahun yang bersamaan kira-kira RM100,000.

Bagaimanapun, katanya, British kemudian menukarkan pembayaran berjumlah sama menggunakan mata wang Straits Dollar yang nilainya lebih rendah berbanding Spanish Dollar.

Sehubungan itu, katanya. Kedah yang soring merungut kerana kekurangan pendapatan wajar meminta Kerajaan Pusat mengkaji semula perjanjian itu.

"Kajian semula itu sama ada bagi balik Pulau Pinang kepada Kedah atau bayar (sewa) lebih sedikitlah.

"Kedah tidak sepatutnya terlalu bermurah hati kepada orang. Kita kena tuntut apa yang hak," katanya.